

BAB KEDUA

BAB II

INSTITUSI KEHAKIMAN DI WILAYAH NARATHIWAT

1. Sejarah Ringkas Wilayah Narathiwat.

Narathiwat adalah salah satu wilayah yang terletak di selatan Thailand yang paling akhir, dahulunya sebuah kampung kecil yang mempunyai dua nama; Ma'nalo dan Bangnara.¹ Nama ini hampir tidak tersebut dalam sejarah purba Patani kerana ia hanya suatu perkampungan nelayan yang berada di bawah daerah taklukan kerajaan Patani. Untuk menyelusuri asal usul Narathiwat yang sekarang sebagai sebuah wilayah besar, maka penulis terpaksa mengaitkan sepintas lalu tentang sejarah penaklukan Siam ke atas Patani.

Kerajaan Patani yang memerintah dan pernah menaungi sehingga 43 buah negeri, termasuk Kelantan dan Terengganu,² sentiasa diserang oleh Siam sebagai musuh tradisinya. Serangan pertama ke atas Patani dibuat pada tahun 1603m. pada zaman pemerintahan Raja Hijau.³ Akhirnya pada bulan November 1786m. Patani dapat dikalahkan oleh Siam dan menaklukinya sampai ke hari ini.⁴ Pada peringkat awal penaklukan, struktur pentadbiran dalaman tidak diusik, raja Patani dan raja-raja di bawahnya masih berkuasa seperti biasa.

¹ Wit Tiau Burntam (t.t.), *Phanti Pratet Thai 73 Changwat*, Bangkok: Aksorn Nresuarn, h.144.

² A. Bangnara (1977), *Patani dahulu dan sekarang*, Markas Dharurah Daulah Islamiyyah: Penal penyelidikan Angkatan al-Fathani, h.23.

³ Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejara dan politik*, Shah Alam: HIZBI, h.50.

⁴ *Ibid.* h.96. Mengikut Ahmad Fathy al-Fatani dalam *Pengantar Sejarah Patani*, h.47, bahawa Patani jatuh ketangan Siam pada tahun 1785, manakala Surin Pitsuwan dalam *Islam di Muang Thai*, h.93, pula mencatat bahawa Siam mula menakluki Patani pada tahun 1782. Penulis lebih berminat kepada tahun 1785, kerana dua catatan lain dengan tahun yang sama, iaitu A. Bangnara, h.31. dan Ibrahim Syukri dalam *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, h.91.

Apabila penguasa Siam cuba campur tangan urusan dalaman, maka timbullah penentangan yang tidak putus-putus dari rakyat Patani, seperti pemberontakan yang gagal yang dipimpin oleh Tengku Lamidin pada tahun 1789m. dan pemberokan yang dipimpin oleh Dato' Pengkalan pada tahun 1808m.⁵ Setelah Siam memepelajari pengalaman dua peristiwa itu, maka pihak Bangkok melantik Orang Siam yang bernama *Nai Kwan Sai* menjadi raja Patani. Inilah sejarah orang Siam yang pertama jadi raja Patani. Pada tahun 1815m. *Nai Kwan* mati, diganti pula oleh anaknya bernama *Nai phai*, semasa *Nai Phai* negeri Patani tidak pernah aman, lalu pihak Bangkok memeperkenalkan dasar baru pada tahun 1816m. dengan memecahkan negeri Patani kepada tujuh negeri kecil, iaitu Patani, Nongchik, Jambu, Jalor, Raman, Teluban dan Legeh.⁶ Bagi setiap buah negeri itu dilantik pula raja-raja daripada raja Melayu melainkan negeri Jering (Jambu) dilantiknya orang Siam bernama *Nai Phai* dan beliau diberi mandat mengawal 6 buah negeri yang lain dan pemerintahan berpusat di Senggora.⁷

Pada tahun 1906m. iaitu 90 tahun kemudian, negeri yang tujuh itu disusun semula menjadi 4 buah sahaja iaitu Patani (termasuk Nongchik dan Jambu), Yala (termasuk Raman), Teluban dan Legeh. Pada penyusunan kali ini Legeh menjadi Bangnara, kemudian pada tahun 1915m. ditukar pula menjadi Narathiwat. Pada 19/3/1916 istilah negeri ditukar menjadi Changwat. Pada 16/2/1931 Teluban yang sebagai wilayah diturunkan taraf menjadi satu daerah di bawah Patani.⁸

⁵ Ahmad Fathy al-Fatani (1994), *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, h.67.

⁶ *Ibid.* h.57,60.

⁷ A. Bangnara(1977), *Op.cit.* h.36.

⁸ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.60.

Menurut Ibrahim Syukri bahawa pada tahun 1906m. dengan kehendak raja Siam pemerintahan secara “*Boriwen*” dihapuskan dengan menyatukan 7 negeri di bawah satu provensi Patani “*Monthon Patani*” dan di bawahnya mempunyai 4 buah wilayah dipanggil Changwat iaitu Patani, Yala, Saiburi dan Narathiwat (Bangnara).⁹

Dalam tulisan A.Bangnara pula, mencatat bahawa pada tahun 1904 negeri yang 7 diubah menjadi 5 buah negeri, iaitu Patani (termasuk Nongchik), Yala (termasuk Raman), Saiburi tetap seperti dahulu, Legeh masih juga seperti dahulu tetapi diubah nama menjadi Bangnara, kemudian pada 10/5/1915 diubah pula menjadi Narathiwat.¹⁰

Mohd.Zamberi menyebut bahawa dalam tahun 1906 seluruh ciri-ciri pentadbiran Siam berjaya diterapkan dengan merombak semula 7 buah negeri menjadikan Patani, Jering, Nongcik menjadi wilayah Patani, Raman, Jalor menjadi wilayah Yala dan Teluban, Legeh menjadi wilayah Saiburi.¹¹ Narathiwat adalah satu daerah di Wilayah Saiburi di antara 7 wilayah.¹² Kemudian Narathiwat dipindahkan ke bawah Wilayah Legeh (Ra’nge’).

Biarpun antara para penulis sejarah berbeza pendapat tentang tarikh dan proses perubahannya, namun mereka sepakat mengatakan bahawa Narathiwat yang dahulunya sebagai sebuah kampung atau daerah yang berada di bawah

⁹ Ibrahim Syukri(t.t.), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Kelantan: Percetakan Majlis Agama Islam Kelantan, h.130,131.

¹⁰ A.Bangnara(1977), *Op.cit.* h.42.

¹¹ Mohd.Zamberi(1993), *Op.cit.* h.167.

¹² Majlis Daerah Narathiwat(1987), *Tesbal Muang Narathiwat*, Narathiwat: Fai Pra’chasampant, h.2.

Saiburi atau Legeh, telah diangkat taraf menjadi sebuah negeri atau wilayah yang menaungi Legeh atau Ra'nge' yang diturunkan taraf kepada sebuah daerah. Seajar dengan perkembangan itu, mahkamah sewaktu berada di bawah "Monthon Patani" hanya dua mahkamah iaitu satu mahkamah di Wilayah Yala, satu lagi mahkamah di Wilayah Saiburi. Kemudian mahkamah di Saiburi dipindahkan ke daerah Bangnara untuk menangani kes-kes dari Wilayah Saiburi dan Ra'nge'. Setelah itu daerah Baangnara diangkat taraf menjadi Wilayah Bangnara yang menaungi daerah Perbadaran Bangnara, daerah Ra'nge' (yang diturunkan dari wilayah), daerah Sungai padi, daerah To'mo', daerah Yingo dan daerah Takbai.

Narathiwat dari dua kata, Nar+Athiwat, bererti tempat tinggal bagi orang baik-baik.¹³ Jumlah penduduk di Wilayah Narathiwat seramai 630,685 orang yang majoritinya terdiri dari penganut agama Islam iaitu 82%, dan 17% yang beragama Budha, manakala 1% lagi daripada lain-lain agama, termasuk kristian.¹⁴ Keluasan Wilayah Narathiwat ialah 4.475.43 TK persegi. Adalah 2/3 daripadanya, kawasan bukit. Banjaran bukit dari barat ke selatan menghubungkan bukit Sang Kala Kiri yang bersempadan dengan Malaysia.¹⁵

Kedudukan tanah dari barat ke timur yang menghadap ke Laut China Selatan adalah tanah rata yang mencakupi tanah delta lembahan bagi empat batang sungai iaitu Sungai Teluban, Sungai Bangnara, Sungai Taba dan Sungai

¹³ Majlis Perbandaran Narathiwat(1996), *Phan Patna Tesbal Raya Pan Klang Ha Pi* (B.E. 2540-2544), Narathiwat: Kong Wichakarn Lak Phan Ghan, h.4.

¹⁴ Majlis Daerah Narathiwat(1997), *Khomul Tuapai Changwat Narathiwat Pra'cham Pi* (B.E. 2540), Narathiwat: Fai Pra'chasampant, h.3.

¹⁵ *Ibid.* h.2.

Golok.¹⁶ Batas sempadan Wilayah Narathiwat ialah di sebelah selatan dan menghala ke timur bersempadan dengan Malaysia, di sebelah timur yang menghala ke utara menghadap ke Laut China Selatan, manakala di sebelah utara bersempadan dengan Wilayah Patani dan dari utara ke barat bersempadan dengan Wilayah Yala.

Di bawah struktur pentadbiran Wilayah Narathiwat mempunyai 13 daerah, di bawah daerah mempunyai beberapa buah mukim yang menaungi bebrera buah kampung. Berikut senarai pembahagian kawasan pentadbiran.¹⁷

1. Daerah *Bandaran Narathiwat* yang menaungi 7 buah mukim dan 49 buah kampung.
2. Daerah *Takbai* yang menaungi 8 buah mukim dan 49 buah kampung.
3. Daerah *Sungai Golok* yang menaungi 4 buah mukim dan 15 buah kampung.
4. Daerah *Sungai Padi* yang menaungi 6 buah mukim dan 46 buah kampung.
5. Daerah *Weng* yang menaungi 6 buah mukim dan 43 buah kampung.
6. Daerah *Ra'ng'e'* yang menaungi 7 buah mukim dan 52 buah kampung.
7. Daerah *Ruso* yang menaungi 9 buah mukim dan 69 buah kampung.
8. Daerah *Sri Sakorn* yang menaungi 6 buah mukim dan 32 buah kampung.
9. Daerah *Yingo* yang menaungi 6 buah mukim dan 37 buah kampung.
10. Daerah *Bacho* yang menaungi 6 buah mukim dan 32 buah kampung.
11. Daerah *Sukhirin* yang menaungi 5 buah mukim dan 40 buah kampung.
12. Daerah *Chanae* yang menaungi 4 buah mukim dan 29 buah kampung.
13. Daerah *Cho-airong* yang menaungi 3 buah mukim dan 24 buah kampung.

¹⁶ *Ibid.* h.2.

¹⁷ *Ibid.* h.4.

2. Sejarah Pembentukan Kehakiman Islam di Narathiwat.

Dalam pemerintahan kerajaan Siam zaman Ayuthaya, terdapat dua mahkamah khas; satu yang dikhaskan bagi masyarakat China, iaitu *Kromtasai* dan satu lagi bagi masyarakat Muslim yang dinamakan *Kromtakwa*. Penghakiman bagi orang-orang Islam adalah mengikut undang-undang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka. Pengadilan pada waktu itu, diberi mandat kepada *Syaikh al-Islām (Cholarajmontri)* sendiri untuk membicarakan kes-kes orang Islam yang diajukan dalam perkara berkenaan. Manakala masyarakat China pula, kes-kes mereka tetap merujuk kepada undang-undang Siam dan adat istiadat mereka kerana tidak ada bagi mereka undang-undang keluarga dan pusaka secara tersendiri.¹⁸

Pada tahun 1901m., kerajaan Siam telah memperkenalkan satu Peraturan Pentadbiran Bagi Tujuh Negeri yang dikenali sebagai "*Kot Kho Bangkap Samrap Pokrong Boriwen Chet Hua Muang*".¹⁹ Negeri-negeri tersebut ialah; Patani, Nongchik, Jering, Teluban, Jalor, Reman dan Igeh.²⁰ Seiringan dengan peraturan tersebut, keluar pula titah diraja Chulalongkorn, melalui perintah Kementerian Dalam Negeri No.7/9669, 10 Desember 1902.:

"Memandangkan Sri Baginda Raja menghendaki agar rakyat yang menganut agama Islam mendapat keadilan dalam urusan kehakiman yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka, maka Baginda menitahkan bahawa: (i) Setiap gabenor (di

¹⁸ Saudah Abdullah, *Majlis Agama Islam Wilayah Patani: Sejarah Penubuhan dan Sumbangan Terhadap Umat Islam Setempat*, Kertas projek bagi Sarjana Muda sesi 1995/1996, Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h.22.

¹⁹ Narong Sripachana(1974), *Khuam Penma Khong Kodmai Islam Lea Dato' Yutitham*, Nakhon Sritamarat: Sri Akson, h.8.

²⁰ Mohd.Zamberi(1993), *Op.cit.* h.105.

negeri-negeri Melayu itu) mesti memilih Tok Haji yang berpengetahuan tentang al-Quran dan dihormati oleh rakyat dengan mengangkatnya sebagai Tok Kali (Kadi) ... Jumlahnya tidak kurang dari 6 orang.”²¹

Pada peringkat awal, sesetengah ‘ulama’ menolak tawaran kerajaan untuk menduduki jawatan kadi, kerana pada pandangan mereka jawatan tersebut adalah merupakan tanggungjawab yang besar di hadapan tuhan dan terhadap umat Islam semua. Orang yang pertama mendapat tawaran dan menolaknya ialah Tok Bermin (*Tok Guru Pondok Bermin*). Beliau menganggap perkara itu adalah suatu bala yang besar, sehingga beliau mengumpulkan orang-orang kampung untuk membaca *Surah Yasin* agar kerajaan tidak memaksanya bagi memegang jawatan itu.²²

Setelah kebanyakan ‘ulama’ yang berwibawa menolak tawaran itu, maka kekosongan jawatan terpaksa diisi oleh pihak kerajaan dengan orang yang sanggup menerimanya, walaupun kemantapan ilmunya kurang menepati kehendak perjawatan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan arahan kepada Menteri Besar (*Khaluang Tisapiban*) Wilayah *Nakhon Srithamarat* (Legor) supaya melantik kadi yang terdiri daripada orang-orang yang tahu tentang *Syari’ah Islāmiyah* serta diterima pula oleh rakyat. Maka pada bulan Oktober 1935m., kerajaan telah mengisytiharkan pelaksanaan undang-undang sivil ke atas semua rakyat Thai, mengikut fasal kelima bagi undang-

²¹ Surin Pitsuwan (1989), *Islam Di Muang Thai, Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, Penterjemah: Hasan Basari, Pengantar: M.Dawam Rahardjo, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, (LP3ES), h.96.

²² Cerita ini, diceritakan sendiri oleh muridnya; Hj.Abdul Shamad, pengasas al-Ma’had al-Shamadi, Saibiri Patani. Lihat: Mohd.Zawawi Salleh, h.66.

undang kekeluargaan dan fasal keenam bagi undang-undang pusaka, kecuali orang Islam di empat wilayah selatan akan dilaksanakan undang-undang keluarga Islam dan pusaka dalam kes yang diajukan.²³

Apabila *Phibul Songkram*²⁴ memegang tampuk pemerintahan pada tahun 1938m., kerja pertama yang dilakukan ialah penerapan budaya Siam ke atas semua rakyat yang berada di bawah taklukannya, termasuk orang-orang Islam di sebelah selatan dengan memaksa mereka supaya berbudaya Siam, di bawah dasar *Thai Rathamuyum* dengan konsep “Negara Thai untuk ras Thai”. Pencabulan terbesar yang dilakukannya pada tahun 1944m. ialah tindakan membatalkan pengecualian undang-undang keluarga Islam dan pusaka yang selama ini dikecualikan di bawah dasar *Thisapiban – Chulalongkorn*. bagi orang Islam di wilayah selatan.²⁵ Pembatalan ini bererti menghapuskan jawatan kadi dalam kehakiman. Turut terlibat ialah pembubaran ke atas Majlis Agama Islam di empat wilayah selatan.²⁶

Ekoran dari tindakan *Phibul* itu telah menimbulkan kegelisahan orang-orang Melayu Islam di wilayah selatan, terutama di kalangan ‘ulama’ yang sensitif dengan perlakuan tersebut, palbagai bantahan telah dibuat, samada di peringkat dalaman atau di peringkat antarabangsa, sehingga pada tahun 1939m. satu usaha pembentukan badan pelaksanaan hukum Islam (*al-Hai’ah al-Tanfidihiyah Li Ahkām al-Syari’ah al-Islāmiyah*) ditubuhkan untuk membantah

²³ Saudah Abdullah, *Op.cit.* h.23.

²⁴ Beliau pernah memegang jawatan Menteri Petahanan, kemudian jawatan Perdana Menteri pada usia 41 tahun. Dalam pemerintahannya, beliau telah memegang tiga jawatan utama iaitu; Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Luar dalam tempoh antara 1938-1945 dan 1947-1957. Lihat: Mohd.Zamberi A.Malek(1993), *Op.cit.* h.183-190.

²⁵ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.81.

²⁶ Mohd.Zamberi (1993), *Op.cit.* h.196.

polisi *Phibul* dan untuk mengisi kekosongan dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Usaha itu, diketuai oleh Hj. Sulong dan 11 orang 'ulama' lain yang disegani.²⁷

Tidak lama kemudian, selepas perang dunia kedua tamat pada 1 November 1945m., tampuk pemerintahan Thailand diambilalih daripada *Phibul* oleh *Pridi Phanomyong* pada bulan Mac 1946m. Beliau yang perihatin dengan kepentingan umat Islam di selatan, telah mengembalikan hak keistimewaan orang Islam yang dihapuskan oleh *Phibul* dahulu. Pada 19 November 1946m. satu undang-undang keluarga Islam dan pusaka bagi empat wilayah selatan telah digubal dan diisytiharkan serta dilaksanakan dalam sistem kehakiman dengan mendudukan dua orang kadi disamping hakim sivil.²⁸ Pelaksanaan undang-undang ini berlaku sampai ke hari ini.

Dalam perkembangan yang lain, berhubungan dengan kedudukan kadi disamping hakim sivil dalam mahkamah yang sama iaitu Mahkamah Sivil Wilayah, Haji Sulong pernah menyuarakan tuntutan kepada Kementerian Keadilan supaya mengasingkan Mahkamah Syariah dari Mahkamah Sivil Thai dengan menghantar telegram kepada kementerian berkenaan pada 3 Januari 1947m. Jawapan yang diterima melalui surat Kementerian Keadilan Bil.201/2490 pada 14 Mac 1947m. adalah hampa dengan alasan tidak ada budget dan membazir sahaja kerana tidak banyak kes seumpama itu diajukan.

²⁷ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.86.

²⁸ A. Bangnara(1977), *Op.cit.* h.51.

Ini jelas terbukti dalam surat rayuan Haji Sulong kepada Kementerian Keadilan yang bertarikh 29 Mac 1947m. Teks surat tersebut ialah.²⁹

*Bil. 21/24909 Majlis Agama Islam Fathani.
29hb. Mac 1947*

Per: Membangun Sebuah Mahkamah Syariah.

YB Tuan Menteri Keadilan.

Surat Kementerian Keadilan Bil.201/2490 yang bertarikh 14 Mac 1947 menjawab telegram saya yang bertarikh 3 Januari 1947 berkaitan minta asing Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil tak dapat diterima dengan alasan menambahkan budget yang banyak dan pula kes-kes pun tidak banyak yang mana terkandung dalam surat itu.

Buat menjawabnya: Saya sudah sangka bahawa jawapan tuan itu tidak tepat pada hakikatnya, malah saya merayu lagi, sekiranya tidak bercanggah dengan perlembagaan negara dan untuk mengharumkan nama baik kerajaan Thai. Saya berharap dapat tuan mengulang kaji sekali lagi bagaimana pandangan dan rayuan ini:-

1. Perkara melantik kadi dalam hukum Islam di dalam negeri yang bukan Islam, mesti dipilih oleh ketua-ketua agama, 'alim 'ulama', imam-imam (Ahl al-Hal Wa al-'Aqd) bukan letak ikut suka hati. Perlantikan yang dibuat oleh gebenor itu tidak sah pada hukum syarak (tak boleh menjadi wali raja).

2. Mereka yang akan memegang jawatan kadi dalam hukum Islam, mesti mereka yang berilmu pengetahuan tinggi di setiap bidang. Kalau sekiranya melantik orang yang tidak berpengetahuan tentu sekali masyarakat tidak mendapat keadilan. Kewajipan kadi ini untuk menguruskan hal-hal bersabit dengan segala hokum agama Islam.

3. Kadi mesti ada pejabat asing dan bebas daripada tugas-tugas lain dan berkuasa penuh dalam memutuskan hukuman-hukuman yang diajukan.

4. Kadi bukan hanya membicarakan soal nikah kahwin dan harta pusaka sahaja. Tanggungjawabnya banyak.

5. Manakala kerajaan hendak melantik kadi mesti asingkan tempat kerjanya, bebas dari segala-galanya supaya mengelakkan apa-apa yang akan timbul kepada diri kadi itu. Yang mana tuan memberi jawapan dengan alasan membazir perbelanjaan negeri itu tidak cukup. Tuan dan kerajaan mesti pandang jauh dan dalam apa faedah yang akan dapat iaitu mengharumkan nama baik Thai kepada dunia luar dan sebagainya.

Oleh yang demikian itu diharapkan tuan kaji dengan halus dan mendalam serta minta mempertimbangkan dengan wajar.

Se kian terima kasih, dengan setinggi-tinggi hormat.

*Haji Sulong bin Abdul Qadir,
Yang Dipertua,
Majlis Agama Islam Fatani.*

²⁹ Muhammad Kamal K.Zaman(1996), *Fatani 13 Ogos*, (tidak diperkenalkan penerbit), h.20,21.

3. Sistem Kehakiman Islam di Narathiwat.

3.1: Zaman Sebelum Penjajahan.

Apabila kerajaan Patani menerima Islam,³⁰ bererti segala hukum hakamnya diterimapakai oleh kerajaan dan rakyatnya, termasuk penyebaran agama, pembentukan moral dan penerapan hukum serta pelaksanaannya. Walaupun pelaksanaannya secara menyeluruh memerlukan masa untuk mencapai tahap kematangannya. Ini jelas terbukti daripada satu kenyataan dalam “Hikayat Patani” dengan ungapan:

*“Arakian maka sultan Muzaffar Shah pun memberi titah kepada bendahara menyuruh berbuat masjid seperti sembah Syeikh Safiuddin itu . Hatta maka masjid itu diperbuat sudahlah, maka Syeikh Safiuddin pun dikurniai nama Faqih. Syahdan agama Islam pun makin masyhurlah daripada segala dusun hingga datang kepada negeri Kota Mahligai itu pun Islamlah mengikut syariat Nabi Muhammad Mustafa, salla'llahu 'alaihi wasallam. Syahdan sungguhpun demikian yang pekerjaan kafir seperti menyembah kayu, batu dan tamban itu tiada ditinggalkannya, sehingga menyembah berhala dan makan babi itu juga tiada dikerjakannya; demikianlah hikayatnya asal raja Islam negeri Patani ini ”.*³¹

Semenjak Islam bertapak di Patani, kerajaan Patani telah berusaha membentuk suatu sistem pemerintahan dan pentadbiran secara Islam seperti yang

³⁰ Tarikh pengislaman kerajaan Patani masih kabur. Ahmad Fathy menyebut dalam nota kaki bukunya; Pengantar Sejarah Patani, nota kaki No.7, bahawa tahun pengislaman kerajaan Patani ialah 1457m., merujuk kepada Teuw & Wyatt dan W.K.Che Man.

³¹ Siti Hawa Hj.Salleh (Penyelenggara)(1992), *Hikayat Patani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.10.

pernah dijalankan di negara-negara Arab dan Parsi sebagai tuntutan daripada Islam yang dijadikan sebagai agama rasmi negara. Pelaksanaan undang-undang Islam di Patani pada masa itu bukan sahaja terbatas kepada hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan, malah undang-undang jenayah Islam juga turut dilaksanakan dalam sistem kehakimannya, di mana raja bersama pegawai-pegawai yang dilantik telah menyelesaikan sebarang perbalahan yang diajukan oleh rakyat.³²

Mengikut bukti sejarah pemerintahan kerajaan Patani menunjukkan bahawa dalam pemerintahan Raja Mas Kelantan telah melaksanakan hukum jenayah. Hal ini menyebabkan baginda *dima'zulkan* daripada takhta oleh pembesar-pembesarnya sendiri pada tahun 1702m. berikutan sikap keras baginda dalam perkara pelaksanaan undang-undang jenayah syar'ie di dalam negeri. Baginda dikenali sebagai seorang raja yang tegas dan tidak mengenal tolak ansur, mana-mana pesalah yang sabit kesalahannya dihukum tanpa kecuali, keadaan ini telah menyebabkan timbul perasaan gelisah di kalangan pembesar-pembesar yang berkepentingan dan berakhir dengan tindakan yang diambil bagi memecat baginda.³³

Baginda ditakdirkan memerintah Patani dalam dua sesi, sesi pertama mulai tahun 1698 hingga tahun 1702, manakala sesi kedua mulai tahun 1716 hingga tahun 1718. Bagi tempoh selang antara dua sesi ini - 1702 hingga 1716 -

³² Mahmūd Syākīr (1974), *Fatānī*, Jeddah: al-Dār al-Sa'ūdīyyah Li al-Nasyr, h.31.

³³ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.35.

negeri Patani diperintah oleh dua orang raja ; Raja Dewi (1702-1711) dan Raja Benteng Badang (1711-1716).³⁴

Bagaimanapun pelaksanaan undang-undang Islam dalam menyelesaikan perbalahan, dipercayai tidaklah secara formal mengikut sistem kehakiman yang dikenali sekarang ini, tetapi yang jelas suatu peraturan asas dalam penyelesaian kes sudah tentu digunakan sepertimana yang dikehendaki oleh peraturan kehakiman Islam kerana orang yang bertanggungjawab menyelesaikan kes-kes adalah Tok Faqih atau raja sendiri yang telah mendapat nasihat daripada orang 'ālim yang dilantik sebagai penasihat diraja.

Sebagaimana yang terdapat pada sistem pemerintahan raja-raja Melayu di semenanjung Tanah Melayu pada zaman sebelum penjajahan Inggeris menunjukkan bahawa raja-raja Melayu telah melantik kadi-kadi sebagai penasihat mereka, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam, seperti Kadi Yūsuf, Kadi Manşūr dan lain-lain.³⁵

Apabila Islam sudah mantap di Patani, pelaksanaan dalam bidang kehakiman sudah tentu tersusun dengan baik. Mengikut satu pendapat dengan berdasarkan pembacaan sejarah bahawa pelaksanaan undang-undang Islam di Patani sudah bermula semenjak abad ke 16-17 Masihi lagi. Sebagai salah satu buktinya ialah catatan sejarah ada menyatakan bahawa kerajaan Patani pada waktu itu merupakan sebuah kerajaan yang dikatakan mencapai tahap kemajuan

³⁴ *Ibid.* h.35.

³⁵ Hamid Jusoh(1992), *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Terhadap Kes-kes Kontroversi Dalam Undang-undang Keluarga*, terjemahan: Raja Rahawani Raja Mamat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3.

yang amat cemerlang dalam setiap bidang termasuk bidang pengajian Islam. Dipercayai perjalanan mahkamah pada masa itu juga telah menggunakan undang-undang Islam dengan sepenuhnya.³⁶

Sebagai bukti terdekat bagi pelaksanaan undang-undang Islam dalam kehakiman di Patani ialah pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan yang dahulu menjadi satu negeri dengan Patani, terutama ketika Patani diperintah oleh *silsilah* raja-raja dari keturunan raja Kelantan seperti Raja Mas Kelantan,³⁷ pernah dicatat oleh pengembara China; Hseim Ching-Koo pada tahun 1782m. bahawa sidang mahkamah di Kelantan dihadiri setiap hari oleh Wan-Wan dan Tuan-Tuan. Mengikut W.R.Roff bahawa terdapat bukti yang menunjukkan bahawa sekitar tahun 1830-an ada jawatan mufti negeri dan jawatan hakim di Kota Bharu. Bidang kuasa mufti lebih tertumpu kepada soal-soal kehakiman dalam Mahkamah Syariah.³⁸

Dengan keperihatinan kerajaan Patani pada ketika itu terhadap ilmu agama, maka ia telah membuka ruang kepada 'ulama' untuk mengembangkan kegiatan ilmu, sehingga Patani dapat melahirkan para 'ulama' masyhur, bukan saja di kalangan masyarakat tempatan malah kemashurannya merentasi negara dan benua, mereka banyak menghasilkan karya-karya yang menjadi bahan rujukan pada masa itu sehingga ke zaman ini. Pencapaian itu menunjukkan tahap penguasaan Islam telah terlaksana dalam pentadbiran negara termasuk dalam

³⁶ Isma-Ae Alee (2000), *Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam: Pengalaman Thailand*, dalam Abdul Monir Yaacob(Dr.)(2000)(Penyunting), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Cet.2, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Snd.Bhd., h.337.

³⁷ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.35.

³⁸ Hamid Jusoh (1992), *Op.cit.* h.13.

bidang kehakiman, tentunya sebagai sumber asasi dalam pelaksanaan tersebut ialah hukum-hukum syariah Islam di samping sumber-sumber tempatan yang lain.³⁹

Walaupun ada dakwaan yang mengatakan bahawa Islam telah masuk ke Thailand sejak awal tertubuhnya kerajaan Sukhothai lagi, tetapi masih tidak ada bukti yang jelas menunjukkan bahawa ada satu kawasan di Thailand yang pernah menjalankan undang-undang Islam dalam sistem pentadbiran, selain dari kawasan selatannya yang pernah melaksanakan undang-undang Islam dalam pemeritahan semasa kawasan tersebut sebagai sebuah negara Islam berdaulat yang dikenali dengan nama Patani Darussalam sebelum ia dikuasai oleh Siam.⁴⁰

Pelaksanaan hukum Islam di Patani adalah mencakupi undang-undang keluarga Islam, hukum muamalat dan undang-undang jenayah, walaupun secara yang kurang sempurna dan komprehensif. Ini boleh digambarkan dengan perkembangan yang berlaku di Melaka kerana mengikut satu versi bahawa kanun Melaka sudah dikenali di Patani.⁴¹ Di Melaka terdapat pelaksanaan hukum zina dan mencuri secara Islam yang merujuk kepada kanun tersebut.⁴² Berpanduan kepada situasi di atas kerajaan Melaka dikatakan sebagai sebuah kerajaan Islam juga menjadi sebuah empayar Islam di Asian Tenggara.⁴³

³⁹ Surin Pitsuwan(1989), *Op.cit.* h.38.

⁴⁰ Isma-Ae Alea(2000), *Op.cit.* h.336.

⁴¹ M.B.Hooker(1991), *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Rohani Abdul Rahman, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.h.189.

⁴² Hamid Jusoh(1992), *Op.cit.* h.7.

⁴³ Abdul Kadir bin Haji Muhammad(1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.6.

Demikianlah juga pengaruh Pasai terhadap perkembangan Islam di Melaka, sehingga Sultan Mansur Shah Melaka (1456-1477m.) pernah mengirim kitab *Dār al-Maẓlūm* ke Pasai untuk diterjemahkan di samping berbagai masalah agama terlebih dahulu mendapat penjelasan daripada 'ulama'-'ulama'nya. Ini adalah kerana keperihatinan rajanya Sultan Malik al-Zahir terhadap Syariah Islam serta bantuan dari 'ulama'-'ulama' tempatan dan luar negeri, menjadikan Pasai sebuah kerajaan yang mempunyai institusi pendidikan Islam yang teragung di Nusantara ketika itu.⁴⁴

Undang-undang Melaka bukan sahaja dilaksanakan di negeri Melaka bahkan ianya berpengaruh di seluruh negeri-negeri di Sumatera. Lebih-lebih lagi undang-undang tersebut dapat diindoktrinasi oleh kerajaan Islam Aceh yang bertanggungjawab mengambil alih kuasa politik, perdagangan dan pendidikan selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi.⁴⁵

3.2. Zaman Semasa Penjajahan Sehingga Kini.

Sebagai langkah terakhir penjajahan Siam ke atas Patani ialah dengan melucutkan jawatan dan kuasa raja-raja serta pegawai-pegawai Melayu yang memerintah di Patani, termasuk tujuh negeri yang berada di bawah taklukan Patani. Perlucutan ini berlaku pada tahun 1902m. dengan menghantar orang-orang dari pusat untuk mengambil alih kuasa pentadbiran yang dilucutkan itu. Kedudukan pentadbiran dan pembahagian kawasan juga diubah daripada tujuh negeri kepada beberapa wilayah iaitu wilayah Patani, Yala dan Narathiwat. Gaya

⁴⁴ Hj. Abdullah Ishak(Dr.)(1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya: AL-RAHMANIAH Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia, h.94.

⁴⁵ *Ibid.* h.147.

pentadbiran asing ke atas rakyat yang sudah terbiasa dengan raja-raja mereka, lebih banyak menggunakan kekerasan. Hal ini telah menimbulkan masalah yang berterusan dan tidak mengenal sudahnya.⁴⁶

Beberapa tahun sebelum peristiwa “Persetian Bangkok”, kedudukan negeri-negeri yang tujuh yang telahpun diubah pada tahun 1816m. di bawah dasar politik penjajahan (*Divide and Rule*), diubah pula menjadi empat, kemudian disusun semula pada tahun 1906m. iaitu Patani (dengan memasukkan Nongchi’ dan Jambu), Jala (dengan memasukkan Raman), Teluban dan Legeh, pada penyusunan kali ini, nama Legeh ditukar menjadi “Bangnara” , dan kemudian lagi pada tahun 1915m. nama ini bertukar pula menjadi “Narathiwat” sehingga sekarang.⁴⁷

Selain dari itu, pada permulaan abad yang lalu Siam telah melangkah ke .depan dalam penjajahannya. Patani bersama wilayah-wilayah lain, termasuk Narathiwat, yang menjadi negeri jajahannya telah diubah pula menjadi sebahagian daripada wilayah-wilayah Thai yang biasa. Dari segi perundangan pula, langkah paling penting ke arah integrasi yang diambil oleh Bangkok ialah penggantian Syariah Islam dan undang-undang budaya Melayu (adat Melayu) dengan undang-undang Thai, kecuali dalam urusan mengenai perkahwinan dan pewarisan.⁴⁸

⁴⁶ A. Bangnara(1977), *Op.cit.* h.49.

⁴⁷ *Ibid.* h.57-60.

⁴⁸ Wan kadir Che Man(1998), *Islam di Patani Semasa*, dalam Minoriti Muslimin di Thailand, Selangor: L.Minda, h.71.

Biarpun orang Islam Patani telah digolongkan sebagai kaum minoriti, namun secara relatifnya kedudukan undang-undang untuk orang Islam walaupun terhad kepada undang-undang keluarga, masih tidak terjejas. Sebenarnya undang-undang untuk orang Islam wujud secara formal dalam sisten perundangan Thai, tetapi ia sememangnya dijalankan dalam bentuk yang tidak formal.⁴⁹

Seorang lagi ahli akademik dan pernah menjawat sebagai Perdana Menteri Thai; M.R.W. Senee Pramroj berpendapat bahawa pengecualian penggunaan undang-undang keluarga Islam dari undang-undang sivil Thai telah terbukti wujud sejak zaman kerajaan Sri Ayuthaya. Ini berdasarkan catatan sejarah bahawa di zaman itu terdapat dua mahkamah khas iaitu mahkamah *Krom Thai Sai* untuk membicarakan kes-kes orang China dan mahkamah *Krom Thai Khwa* untuk membicarakan kes-kes orang Islam.⁵⁰

Kalau mengikut sejarah, belum pernah ada campur tangan dari Siam dalam urusan hukum, terutama yang menyentuh soal-soal kekeluargaan dan pusaka kerana orang-orang Islam menganggap soal itu adalah soal harian mereka yang sebatini menjadi cara hidup mereka, pencabulan dalam perkara ini adalah sebagai mencabul kesucian Islam itu sendiri, sejak Siam menakluki Patani pada tahun 1785m.⁵¹ lagi. Pada zaman kerajaan Chulalongkorn yang pada dasarnya bercadang untuk menyatukan pelaksanaan undang-undang Siam tanpa kecuali, bersetuju bahawa orang-orang Islam dikecualikan dari undang-undang Siam

⁴⁹ M.B.Hooker (1991), *Op.cit.* h.42- 43.

⁵⁰ Isma-Ae Alee (2000), *Op.cit.* h.336,337.

⁵¹ Ahmad Fathy(1994), *Op.cit.* h.47. Dalam catatan Mohd.Zamberi(1993), *Op.cit.* h.96. bahawa penaklukan Siam ke atas Patani pada bulan November 1786.

dalam urusan keluarga dan pusaka, seperti mana yang tertera dalam titah diraja 1901 fasal (32) :

*“Undang-undang sivil dan jenayah akan dilaksanakan, kecuali kes-kes kekeluargaan dan pusaka, yang melibatkan orang Islam, dalam kes-kes itu, akan dilaksanakan undang-undang Islam”.*⁵²

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam di Patani adalah secara menyeluruh, tidak hanya terbatas kepada undang-undang keluarga dan pusaka sahaja. Ini jelas terbukti adanya tindakan kuasa Siam membatalkan pelaksanaan undang-undang Islam di Patani kecuali undang-undang Islam yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka sahaja yang dibenarkan. Pembatalan tersebut dikeluarkan pada 10 Desember 1901m., jadi sebelum tarikh itu, pelaksanaan undang-undang Islam di Patani tidak hanya terbatas kepada kekeluargaan dan pusaka sahaja, malah mencakupi semua bidang perundangan.⁵³

Thailand dikatakan termasuk salah sebuah negara yang terulung telah menggubalkan undang-undang keluarga Islam secara sistematik. Penggubalan undang-undang tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian; bahagian pertama adalah muqaddimah, bahagian kedua dengan bab (1) membicarakan tentang kekeluargaan yang mengandungi lima fasal, manakala bahagian ketiga pula sebagai bab(2) khusus mengenai hal-hal pusaka yang mengandungi enam fasal.

⁵² Narong Siripachana(1974), *Op.cit.* h.4.

⁵³ Isma-Ae Alee (2000), *Op.cit.* h.340,341.

Bila dikumpulkan ketiga-tiga bahagian itu terdapat 230 artikel yang boleh dikatakan agak tersusun.⁵⁴

Sebelum kadi Islam dalam kekeluargaan dan pusaka dibentuk oleh kerajaan Siam, hukum Islam telahpun ditegakkan oleh golongan 'ulama' dengan mengeluarkan fatwa-fatwa mereka, bukan saja dalam perkara kekeluargaan dan pusaka tetapi menyentuh hal-hal muamalat dan jenayah. Walaupun hukum-hukum itu dilaksanakan tanpa ada sebarang perlembagaan dan prosedur kehakiman yang tetap dan tersusun tetapi keputusan yang dibuat tetap dihormati dan diikuti dengan baik. Penjawatan kadi juga tidak melalui perlantikan sepertimana yang berlaku semasa dibawah pemerintahan Siam, tetapi penjawatan kadi adalah dipilih oleh rakyat dengan persetujuan ramai, kerana itulah keberkesananannya lebih jelas dan terserlah serta dibantu oleh desakan-desakan moral dari orang ramai. Dalam hal ini, raja Chulalongkorn pernah bersuara bahawa kehakiman yang tidak berlembaga itu adalah amat sesuai bagi masyarakat setempat (negeri Patani).⁵⁵

Oleh kerana hukum yang ada hanya dalam bentuk fatwa-fatwa yang belum terkumpul dari buku-buku atau dari para 'ulama' setempat, belum ada proses dan prosedur kehakiman kadi Islam yang tetap, maka Chulalongkorn terpaksa membangunkan satu struktur kehakiman kadi bagi wilayah-wilayah Patani. Antara kandungan rumusan yang dijelaskan oleh instruksi Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri 7/9669, 10 Oktober 1902m. (Ratnakosin: 121) adalah :

⁵⁴ *Ibid.* h. 342.

⁵⁵ Surin Pitsuwan (1989), *Op.cit.* h. 100.

1. Gebenor harus memilih tok haji, yang berpengetahuan tentang Quran dan berpengaruh sebagai "Tok Qadi". Jumlahnya terserah kepada gebenor tetapi tidak kurang daripada 6 orang, mereka akan bersidang dalam kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka. Pemilihan itu harus dipersetujui oleh gebenor general daerah.
2. Apabila perbalahan yang melibatkan orang-orang Islam, maka pihak yang terbabit berhak memilih kadi-kadi yang dilantik untuk memutuskan kes-kes mengikut hukum Islam dan kebiasaan.
3. Jika kadi lebih dari seorang dan keputusan tidak sepakat, maka mereka harus memilih seorang daripadanya sebagai ketua penal dan pendapat majoriti sebagai keputusan.
4. Kadi mesti meneliti kes-kes yang diangkat, jika perlu kepada saksi maka segala kemudahan harus disediakan. Saksi harus bersumpah sesuai dengan hukum Islam dan adat, jika tidak ada peraturan itu, hendaklah dirujuk kepada undang-undang pembuktian tahun 1895.
5. Bila sidang kadi telah membuat keputusan, maka hakim Thai akan mempersetujui keputusan itu. Segala denda atau bayaran yang dikenakan hendaklah diputuskan oleh kadi mengikut hukum Islam dan adat kebiasaan.
6. Apabila keputusan final dibuat oleh hakim Thai mengikut keputusan kadi, maka pihak plaintif atau defendan tidak dibenarkan membuat rayuan kes kecuali jika keputusan itu menyimpang dari keputusan kadi. Bagaimanapun sebarang rayuan hendaklah mendapat persetujuan daripada gebenor daerah berkenaan terlebih dahulu.⁵⁶

⁵⁶ *Ibid.* h.96.

Bagi menyelaras dan memudahkan pelaksanaan hukum syariah yang berhubung dengan undang-undang keluarga Islam dan pusaka dalam penghakiman di empat wilayah selatan, selain dari ia sebagai panduan yang jelas bagi para kadi dalam mengeluarkan penyelesaian terhadap kes-kes yang diajukan, maka tercetuslah idea dari kementerian keadilan untuk menterjemahkan undang-undang syariah berkenaan ke dalam bahasa Thai serta mengkanunkannya sebagai satu undang-undang. Maka pada tahun 1929m. keluarlah arahan kementerian supaya membentuk satu komiti bagi mengendalikan kerja-kerja tersebut. Pada tahun berikutnya ketua Mahkamah Wilayah Patani telah membentuk satu komiti untuk mengkanunkan undang-undang berkenaan yang terdiri daripada para kadi dari empat wilayah selatan, para 'ulama', ahli akademik dan pakar-pakar bahasa Thai.⁵⁷

Usaha mengkanunkan undang-undang keluarga Islam dan pusaka yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Thai menelan waktu selama 10 tahun. Tempoh yang panjang ini adalah merujuk kepada sebab-sebab berikut :⁵⁸

1. Pengeluaran (*Istinbat*) hukum syarak dari sumber asli iaitu Qur'an, Sunnah dan Ijmā' adalah suatu perkara yang sulit dan rumit, ia memerlukan bantuan dan rujukan yang menyeluruh kepada kitab-kitab fiqh, samada yang ditulis oleh 'ulama' klasik atau kontemporari. Dalam kitab rujukan yang begitu banyak, terutama dalam mazhab syafi'ie, sudah tentu persembahan dan pembicaraan dalam soal yang berkaitan tidak sama, sesetengah kitab

⁵⁷ Kementerian keadilan(1982), *Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya'la Lea' satul*, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.211.

⁵⁸ *Ibid.* h.209-215.

membicarakan persoalan secara meluas, tetapi terkadang ia diluar topik yang diperlukan, dalam kitab yang lain pula pembicaraannya terlalu ringkas sehingga tidak tercapai maksud yang dikehendaki atau membicarakan dalam satu sudut dan mengabaikan dalam sudut yang lain. Inilah satu kesulitan yang dihadapi oleh pihak komiti untuk mencari kata putus yang boleh dikanunkan.

2. Kesulitan dalam mencari kata-kata dan ungkapan yang sesuai dalam bahasa Thai, bila diterjemahkan istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh seperti kata Fāsiq, Murtad, Wāli, Ījāb dan Qabūl, 'Iddah dan lain-lain yang tidak pernah dikenali dalam bahasa Thai. Akhirnya Istilah-istilah berkenaan terpaksa dikekalkan dalam pengkanunan dengan diberikan huraian secara detil di bahagian pendahuluan am, pendahuluan bab dan pendahuluan fasal.
3. Dalam tempoh yang lama itu, berlakunya perubahan ahli komiti dari semasa ke semasa, termasuk ketua komiti itu sendiri. Dengan berlaku perubahan ahli akan berlaku pula perubahan gaya persembahan ayat dan metode penulisan.
4. Draf awal tentang hukum berkenaan yang siap dihantar kepada Kementerian Keadilan ternyata tidak difahami oleh pihak kementerian kerana terjemahan dibuat secara perkataan demi perkataan (*Literally -Harfan Bi Harfin*) dari gaya bahasa Arab atau dari gaya tulisan syair yang ada dalam kitab Arab klasik. Ini telah memaksa pemeriksa draf tersebut untuk membuat semakan berkali-kali.

Akhirnya pada tahun 1940m. selesailah proses pengkanunan undang-undang Islam yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka. Setelah ia disemak dan disahkan oleh *Syaikh al-Islām; Chularajmonteri* dan para kadi, maka undang-undang tersebut siap digunapakai dan dilaksanakan oleh kadi dalam mahkamah-mahkamah di empat wilayah selatan, termasuk Wilayah Narathiwat, terhadap kes-kes kekeluargaan dan pusaka yang melibatkan orang Islam.

Draf undang-undang tersebut mengandungi 230 Artikul yang terbahagi kepada dua kategori utama; undang-undang keluarga dan undang-undang pusaka. Dalam bahagian permulaan dan pengenalan bermula dari artikul 1 hingga 21. Dalam bahagian ini dibicarakan tentang pengenalan umum yang menyentuh soal definisi terhadap perkataan yang sulit untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Thai, seperti perkataan zina, bāligh, fasakh dan seumpamanya. Dari artikul 22 hingga 187 pula adalah berkaitan dengan kekeluargaan, manakala artikul 188 hingga 230 khusus mengenai pusaka.

Kitab-kitab fiqh yang dijadikan rujukan asas oleh para kadi dalam projek penyediaan undang-undang keluarga Islam dan pusaka di empat wilayah Selatan Thailand adalah seperti berikut :⁵⁹

1. Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhaj, Syarḥ Muhammad al-Khatīb al-Syarbīnī 'Alā Matn Minhāj al-Tālibīn, Li

⁵⁹ Mohd.Zawawi Salleh, *Undang-undang Islam di Patani Selatan Thailand*, Tesis sarjana sesi 1978/1979, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, Kuala Lumpur.h.46,47.

- Abī Zakariyya bin Syarf al-Nawawī Ma'a Ta'liqāt Li al-Syaikh Jublī bin Ibrāhīm, Beirut: Dār al-Fikr.
2. Ḥasyīyah al-Bājūrī, Ibrāhīm al-Bājūrī 'Alā Syarh al-'Allāmah Ibn Qāsim al-Ghazzī 'Alā Matn al-Syaikh Ibn Syujā' Fi Madhhab al-Syāfi'ī.
 3. I'ānah al-Ṭālibīn 'Alā Hall Alfāz Faṭḥ al-Mu'tīn, Li al-Sayyid Abī Bakr Ibn al-Sayyid Muhammad Syatā al-Dimyāṭī, Dār Ihyā' al-Turāth, Beirut 1901.
 4. Kitāb Tuḥfah al-Ḥabīb Syarh Ghāyah al-Taqrīb, Li Ahmad bin Badīr al-Fasyinī Fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī, Bi Ḥāmisīyhi Nihāyah al-Taqrīb Nuzum Ghāyah al-Taqrīb Li Syarf al-Dīn Yahyā al-'Umarī, Misr, al-Maṭba'ah al-Maimanah 1894.
 5. Al-Iqnā' Fi Hall Alfāz Abī Syujā', Li Muhammad al-Syirbīnī al-Khatīb, Syarikah Nur al-Thaqāfah al-Islāmīyyah, Jakarta.
 6. Bughyah al-Ṭullāb Li Murīd Ma'rifah al-Ahkām Bi al-Ṣawāb, Li al-Syaikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Maṭba'ah al-Taqaddum al-Ilmiyyah, Misr 1934.
 7. Kasyf al-Lithām, Li al-Syaikh Zain al-'Ābidīn bin Muhammad al-Faṭānī, al-Maṭba'ah al-Amīriyyah, Makkah al-Mukarramah 1901.
 8. 'Īdāḥ al-Albāb Li Murīd al-Nikāḥ Bi al-Ṣawāb, Li Syaikh Daud bin Abdullah Faṭānī, Maṭba'ah Dār al-Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
 9. Furū' al-Masā'il, Li al-Syaikh Daud al-Faṭānī, Maṭba'ah al-Amīriyyah, Makkah al-Mukarramah 1896.

10. Ghāyah al-Taqrīb Fi al-'Irth Wa al-Ta'assub, Li al-Syaikh Daud Faṭānī, Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī, Misr 1927.
11. Al-Fatāwā al-Faṭānīyyah, Li al-Syaikh Wan Ahamad Bin Muhammad Zain al-Faṭānī (Tanpa tahun dan cetakan).
12. Maṭla' al-Badrain Wa Majma' al-Bahrain, Li al-Syaikh Muhammad bin Ismail bin Daud Faṭānī, Matba'ah Sulaiman Mar'i, Singapura (Tanpa tahun).

Melihat kepada kitab-kitab rujukan di atas, jelas menunjukkan bahawa rujukan hukum hanya terbatas kepada mazhab imam Syafi'ie sahaja kerana dari sudut hukum Fiqah, mazhab Syafi'ie menjadi pegangan kepada masyarakat Patani (empat wilayah Sealatan Thailand) khususnya dan masyarakat Asia Tenggara umumnya. Sebenarnya seorang kadi dalam mengeluarkan hukum terikat dengan prinsip-prinsip syariah yang asas, tetapi mereka tidak terikat dengan perbendaharaan fiqh, malah hanya boleh mempengaruhi mereka ketika mengeluarkan hukum.⁶⁰

Walaupun peruntukan undang-undang telah wujud bagi membentuk sistem kehakiman Islam dengan melantik kadi Islam dalam menangi kes-kes yang melibatkan orang Islam mengenai hal-hal keluarga Islam dan pusaka, namun kedudukan kadi masih belum jelas, adakah kadi itu dikira sebagai pegawai kerajaan atau tidak?. Jika dilihat kepada Akta Pegawai Kehakiman tahun

⁶⁰ Mohamad Daud Bakar(Dr.)(1999), *Hukum Islam di Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh*, *Hukum Islam Semasa*, dalam Abdul Karim Ali (Dr.) dan Raihanah Hj.Azahari (Penyunting), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.13.

B.E.2471 (1938m.), sebagai naskhah awal dalam soal ini, didapati tidak menyentuh tentang kadi atau *Dato' Yutitham* itu sebagai pegawai kehakiman.

Tetapi mungkin apa yang disebut dengan kata *pupipaksa tuklakkam*(penasihat kehakiman) itu dikira sebagai pegawai kehakiman, sebab dalam seksyen 6 bagi akta di atas menyebut bahawa pegawai kehakiman mesti mempunyai pengalaman sebagai hakim tidak kurang dari satu tahun dan setelah mendapat persetujuan dari Kementerian Keadilan, jadi kadi-kadi yang dilantik belum pernah menjadi hakim.⁶¹ Namun dalam peruntukan Akta Peraturan Pegawai Kehakiman (Naskhah ke-3) tahun B.E.1489 (1946m.) ada disebut dengan jelas tentang kedudukan kadi (*Dato' Yutitham*).

Mengikut seksyen 5 dalam akta berkenaan, menunjukkan bahawa status pegawai kehakiman dapat dibahagikan kepada 5 peringkat:

- i. Pegawai kehakiman resmi ialah yang diberi kuasa untuk memutuskan kes-kes serta menerima gaji bulanan secara resmi dan tetap;
- ii. Pegawai kehakiman yang tidak resmi ialah yang diberi kuasa untuk memutuskan kes, tetapi menerima gaji bulanan secara tidak resmi atau tidak tetap;
- iii. *Dato' Yutitham* (kadi) ialah pegawai kehakiman yang diberi kuasa memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam;
- iv. Pegawai kehakiman yang melakukan kerja-kerja harian secara resmi dan menerima gaji bulanan yang tetap;

⁶¹ Narong Sripachana(1974), *Op.cit.* h.73,74.

- v. Pegawai kehakiman yang melakukan kerja-kerja harian secara tidak rasmi dan menerima gaji yang tidak tetap.

Dalam akta itu juga ada menyentuh tentang pegawai-pegawai kehakiman, termasuk kadi mengenai kenaikan dan pemecatan adalah mengikut peraturan yang digariskan oleh Kementerian Keadilan.⁶²

Pada tahun 1944, Phibul memansuhkan jawatan kadi dan membubarkan undang-undang keluarga dan pembahagian pusaka (*Farā'id*) Islam dan menggantikannya dengan undang-undang sivil kerajaan. Apa-apa kes yang berbangkit berhubung dengan perkara ini adalah dirujuk dan diputuskan oleh pihak berkuasa mahkamah awam Thai. Tindakan seperti ini menambahkan lagi marak api yang sedang menyala-nyala di hati orang-orang Islam selatan.⁶³ Tidak puas hati dengan perkembangan ini, orang Melayu Islam menubuhkan Majlis-majlis Ugama Islam dalam keempat-empat buah wilayah selatan; Patani, Yala, Narathiwat dan setol. Di Patani, Hj.Sulong terpilih menjadi Yang Dipertua pertama, manakala di Yala Yang Dipertua pertama ialah Hj.Mustafa Awang, di Narathiwat Hj.Daud Mat Diah dan di Setol Hj.Abdullah Lang Putih.⁶⁴

Memandangkan kewujudan mahkamah dalam sesebuah masyarakat adalah penting. Dalam setiap daerah atau kawasan yang tidak melebihi keluasannya sejauh sekitar 57 batu hendaklah ada sebuah mahkamah yang

⁶² *Ibid.* h.74,75.

⁶³ A.Bangnara(1977) *Op.cit.* h.50-51.

⁶⁴ Ahmad Fathy(1994) *Op.cit.* h.86.

ditugaskan untuk menyelesaikan setiap perselisihan anggota masyarakat,⁶⁵ maka usaha untuk mencari alternatif lain mesti dilakukan oleh umat Islam yang kehilangan pemerintahnya.

Tidak lama selepas Phibul menjadi Perdana Menteri dan melancarkan kempen *Thai Rathaniyumnya*, Hj.Sulong menubuhkan *al-Hai 'ah al-Tanfidhiyah Li al-Ahkām al-Syar'iyah* (Lembaga Pelaksana Hukum Syar'iyah) pada tahun 1939m. Tujuannya ialah untuk menggembeling tenaga pemimpin-pemimpin agama di Patani dalam usaha menyekat ancaman kerajaan Thai hendak mensiamkan orang Melayu serta mempertahankan kesucian agama daripada dicabul oleh cita-cita *Pan Thai* atau Thai Raya gaya Phibul. Sejumlah 11 orang dilantik menduduki lembaga ini, antaranya ialah Hj.Mat Pauh, Hj.Hasan Mak Enggol, Hj.Ab.Majid Embong (Chaok), Tok Guru Bermin dan lain-lain.⁶⁶

Pada 14hb. Februari 1944, satu rayuan di atas nama mesyarakat Islam di kemukakan kepada kerajaan oleh ahli parlimen Narathiwat, Tengku Ab.Jalal bin Tengku Abdul Muttalib (Adul Nai Saiburi) berhubung dengan ancaman kempen kerajaan terhadap agama dan budaya orang Melayu. Jawapan yang diterima dari pihak kerajaan adalah negatif.⁶⁷

Melihat kepada reaksi rakyat Patani terhadap tindakan kerajaan menyentuh identiti rakyat Patani dalam perundangan Islam, maka Pridi

⁶⁵ Abdullah Abu Bakar(2000), *Mahkamah Sebagai Tunggak Keadilan*, dalam Abdul Monir Yaacob(Dr.)(Penyunting), Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Cet.2, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Snd.Bhd., h.175.

⁶⁶ Ahmad Fathy(1994) *Op.cit.* h.86.

⁶⁷ *Ibid.* h. 88.

Phanomyong pada tahun 1945m. telah memperkenalkan satu undang-undang dengan memberi mandat kepada Menteri Dalam negeri bagi membentuk satu komiti pusat Islam negeri Thai. Fungsi komiti tersebut, selain dari ia sebagai satu wadah untuk membendung para pemuka agama dengan rasa ketidaksenangannya terhadap langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah, ia juga bertindak sebagai badan penasihat kepada institusi-institusi sosial yang bersangkutan dengan agama Islam.

Pembentukan badan tersebut adalah pada hakikatnya bertitik tolak daripada reaksi-reaksi buruk yang membimbangkan pemerintah terhadap keberhasilan rancangan integrasi yang dijalankan selama ini. Di samping itu, melalui pemerintah dapat memperlakukan kawalan yang sewajar dari atas ke bawah kerana pembentukannya adalah di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri, manakala perlantikan para imam di setiap desa pula harus mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada komiti tersebut. Sebagai langkah pendekatan melalui undang-undang 1945m. itu, *Chularajamontri* (Jawatan Ketua Agama Islam) Cham Phroyong pernah menjemput seramai 90 orang para pemuka agama ke Bangkok ke dalam satu majlis pertemuan bagi menjalin hubungan antara pemerintah dan pemuka-pemuka agama dalam rangka menjinak-jinak hati orang Islam di Patani.

Walaupun terdapat pengakuan secara perundangannya akan ada rakyat yang beragama Islam bersama hak-haknya tersendiri yang mengecualikan keumuman undang-undang Thai seperti dalam perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka, namun sebutan rakyat Thai yang beragama Islam

dengan panggilan Thai Muslim, amat menyentuh perasaan kecil orang-orang Islam di Patani yang selama-lamanya Melayu-Islam sudah bersemadi dalam jiwa masing-masing sebagai satu identiti mereka.⁶⁸

Dengan kelulusan Akta Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam pada 8hb Mei 1945 itu juga Majlis Agama Islam secara rasminya ditubuhkan. Majlis tersebut ditugaskan sebagai penasihat bagi pentadbiran wilayah dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam⁶⁹ dan dipertanggungjawabkan juga menyelesaikan masalah-masalah masyarakat yang menyangkut soal-soal kekeluargaan dan pusaka setelah diangkat secara sukarela dari pihak-pihak yang bersengketa termasuk terhadap keputusan-keputusannya. Bagaimanapun jika sebarang perbalahan kekeluargaan dan kepusakaan yang tidak mencapai kata sepakat untuk didamaikan secara sukarela, maka penyelesaiannya adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil Thai untuk diajukan, namun penggunaan undang-undang dalam memutuskan kes-kes tersebut adalah mengikut undang-undang keluarga Islam dengan bantuan kadi-kadi yang dilantik.⁷⁰

Tetapi pada pandangan rakyat tempatan, penubuhan Majlis Agama Islam di empat wilayah selatan oleh kerajaan pusat, hanya sebagai wadah yang menjadi alat untuk menyebar dan melaksanakan polisi kerajaan Budha dan bukannya sebagai badan yang menjalankan urusan agama Islam yang sebenar.⁷¹

⁶⁸ Surin Pitsuwan(1989), *Op.cit.* h.82-84.

⁶⁹ Ahmad Omar Chapakia(Dr.)(2000), *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*, Alor Setar: Pustaka Darul Salam Sdn.Bhd., h.281.

⁷⁰ Isma-Ae Alee(2000), *Op.cit.* h.342,347. Fakta ini telah dirujuk kepada Undang-undang Pentadbiran Badan-badan Islam, Seksyen 26:1997.

⁷¹ Wan kadir Che Man(1998), *Op.cit.* h.21.

Sungguhpun begitu, pada umumnya dalam undang-undang perlembagaan Thai yang baru termaktub bahawa orang Islam diberi kebebasan beragama dan bermazhab serta mengamalkan tugas sebagai seorang rakyat Islam selama tidak menjejaskan keamanan dan etika. Tetapi kenyataan ini boleh difahami bahawa pengamalan tuntutan agama yang menjejaskan keamanan adalah dianggap sebagai satu kesalahan. Ini bererti satu kawalan secara undang-undang telah dikenakan terhadap aktiviti orang Islam telah disusun secara sistematik.⁷²

Dalam kerajaan baru yang diambilalih oleh Pridi Phanomyong telah membawa satu perubahan yang besar kepada kedudukan undang-undang Islam, di mana pada 19 November B.E. 2489 (1946m.) telah diwartakan Akta Pelaksanaan Undang-undang Islam di Wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Setul. Akta ini merupakan akta yang pertama seumpamanya pernah dikeluarkan mengenai pelaksanaan undang-undang keluarga Islam dan pusaka.

Akta tersebut mengandungi tujuh seksyen. Seksyen pertama dinyatakan tentang nama akta berkenaan dan dalam seksyen kedua pula tentang masa penguatkuasaan akta secara pasti dan wajib dilaksanakan. Manakala seksyen-seksyen seterusnya, masing-masing menyentuh tentang:

Seksyen 3 tentang sebarang kes yang berkaitan dengan pusaka dari wilayah-wilayah berkenaan dibicarakan dengan undang-undang Islam, samada kes yang melibatkan kedua belah pihak atau sebelah pihak. Manakala kes pusaka yang telah melewati tempoh (lebih dari satu tahun), akan dibicarakan di bawah undang-undang sivil.

⁷² Undang-undang Perlembagaan Thai, Seksyen 38:1997.

Seksyen 4 menyatakan bahawa perbicaraan kes yang melibatkan orang Islam di Mahkamah Rendah Wilayah itu mestilah diadili oleh *Dato' Yutitham* (kadi) yang mempunyai keputusan muktamad.

Seksyen 5 pula tentang fakta dan prosedur perbicaraan hendaklah berpandukan kepada undang-undang sivil. Apabila terdapat sebab-sebab yang boleh menjejaskan perjalanan kes seperti kadi tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, maka pihak Plaintiff atau Defendan berhak memilih orang tengah (sebagai hakam) yang tidak melebihi tiga orang dari setiap pihak, dan hakim sivil atau Ketua Hakim mahkamah sivil hendaklah terlibat sebagai salah seorang daripada kumpulan itu selaku pengganti kadi dalam membicarakan kes tersebut.

Dalam seksyen 6 menyatakan tentang akta ini bersama prosidingnya akan dikuatkuasakan ke atas kes-kes yang tertangguh sebelum akta berkenaan diwartakan, samada dengan rayuan atau pendakwaan baru, kecuali kes-kes yang tidak dihadiri oleh defendan dalam tempoh 30 hari selepas akta tersebut diumumkan.

Bagaimanapun, polisi pemerintahan Phibul Songkram masih diamalkan oleh pegawai-pegawai Siam terhadap orang-orang Melayu di wilayah selatan dengan misi mengsiamkan orang-orang Melayu dan megbudhakan orang-orang Islam. Berita kekejaman Siam terhadap umat Melayu tersebar di mana-mana, maka Bangkok di bawah kerajaan Nai Kuang telah menghantar sekumpulan utusan ke Patani untuk menyiasat perkara tersebut. Pada bulan Ogos 1947m. para

pegawai tersebut telah mengadakan perundingan dengan pemimpin-pemimpin Islam di Patani. Pada waktu itu, pimpinan Islam di bawah persatuan “Semangat Patani” telah menyerahkan surat tuntutan 7 perkara, hasil dari mesyuarat 100 orang pemuka Islam yang di adakan pada 1hb. April 1947m. kepada pegawai Siam tersebut.⁷³

Kandungan tuntutan tujuh perkara tersebut ialah:⁷⁴

1. Menggesa kerajaan Thai supaya melantik anak tempatan dari empat wilayah selatan yang dipilih oleh rakyat setempat sebagai ketua dan diberi kuasa penuh untuk mentadbir wilayah berkenaan.
2. Mengadakan pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sekolah Rendah sehingga darjah empat, sebelum mempelajari Bahasa Siam.
3. Segala hasil pendapatan dan cukai dari empat wilayah mesti digunakan untuk pembangunan setempat.
4. Pegawai pentadbiran di empat wilayah selatan hendaklah 80% daripadanya terdiri dari orang Melayu-Islam tempatan.
5. Bahasa Melayu adalah sebagai bahasa resmi bagi empat wilayah selatan.
6. Mengasingkan Mahkamah Syariah dari Mahkamah Sivil Wilayah, serta memberi kuasa kepada kadi untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan orang Islam.
7. Majlis Agama Islam mempunyai kuasa penuh untuk mengeluarkan dan menyelaraskan hukum-hukum syarak di empat wilayah dengan mendapat persetujuan dari ketua besar. (seperti dalam syarat 1).

⁷³ A.Bangnara(1977), *Op.cit.* h.54,55.

⁷⁴ Muhammad Kamal K.Zaman(1996), *Op.cit.* h.17,18.

Dalam perkara ke-6 ada menyentuh tentang pengasingan Mahkamah Syariah dari Mahkamah Sivil. Tuntutan ini adalah tuntutan hasrat rakyat Patani yang tidak boleh terima pelaksanaan undang-undang Islam di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil Siam yang tidak memahami undang-undang Islam, walaupun telah didudukkan seorang kadi Islam sebagai penasihat undang-undang Islam.

Sehubungan dengan itu, satu seminar diadakan di Universiti Prince Of Songkhla Patani pada 30 Jun 1997m. yang membahas tentang penggunaan undang-undang keluarga Islam dan pusaka. Seminar ini telah menarik perhatian para peserta yang terdiri daripada kadi-kadi, ketua-ketua majlis agama Islam dan ahli-ahli akademik dengan menyarankan beberapa perkara seperti berikut :⁷⁵

- a) Kuasa sepenuhnya hendaklah diberikan kepada kadi untuk melakukan penyiasatan dan membuat keputusan mengikut langkah-langkah yang ditentukan oleh Islam.
- b) Penggunaan undang-undang Islam bukan sahaja di dalam mahkamah, tetapi dalam badan-badan Islam lain serta aktiviti-aktiviti individu.
- c) Hendaklah diangkat taraf undang-undang Islam tahun 1946 sama dengan undang-undang sivil lain serta harus ada penyemakan dari para hakim, kadi dan ahli akademik syariah.
- d) hendaklah diperluaskan penggunaan undang-undang tersebut keseluruh negeri Thai.

⁷⁵ Isma-Ae Alea (2000), *Op.cit.* h.349.